
**PENASABAN ANAK TAK SAH TARAF: KAJIAN HUKUM SYARAK, UNDANG-UNDANG
DAN KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**

***ASCRPTION OF PATERNITY FOR ILLEGITIMATE CHILDREN: A STUDY OF HUKM
SYARA', LAWS AND CASES IN THE SYARIAH COURTS IN MALAYSIA***

ⁱNurul Izzati binti Kholdun, ⁱⁱNur Aina Zafirah binti Azmi, ⁱⁱⁱHanis Syahirah binti Mohd Zulkefli, ^{iv}Yasmin binti Ramli & ^vIntan Shafinaz binti Mohammadi and ^{vi}Hendun bin Abd Rahman Shah

^{i, ii, iii, iv, v, vi} Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hendun@usim.edu.my

ABSTRACT

The increase in cases of illegitimate children or children out of wedlock is becoming more prevalent in Malaysia. The increase in cases of illegitimate children registered at the National Registration Department shows the seriousness of the issue. In Islam, the children born outside the wedlock will not have similar rights with the children born in a valid marriage in order to protect lineage (*nasab*) as one of the *maqasid syar'iyah*. Legitimacy of children is very important since it has a significant impact on the rights of those children and the responsibilities of the parents, such as inheritance, guardianship, and maintenance. This paper focuses on the issue surrounding the ascription of paternity for illegitimate children, such as its position according to *hukm syara'* and legal provisions in Malaysia. Some cases related to this are also analysed to understand the practice of the courts. The study employs library-based research and case analysis. This study found that most of the states in Malaysia invoke a similar definition in ascribing the paternity of a child. However, judges in Syariah courts from different states sometimes use their *ijtihad* to determine the ascription of paternity based on the facts before them. The study concludes by emphasising the significance of understanding the impact of marriage outside wedlock for the children's future. As well as rights and responsibilities in the issue surrounding the legitimacy of the children. The study concludes by emphasising the significance of understanding the impact of marriage outside wedlock for the children's future. As well as rights and responsibilities in the issue surrounding the legitimacy of the children. The study concludes by emphasising the significance of understanding the impact of marriage outside wedlock for the children's future. As well as rights and responsibilities in the issue surrounding the legitimacy of the children.

Keywords: Lineage, Legitimacy of Child, Illegitimate Child, Islamic Family Law

ABSTRAK

Peningkatan kes anak tidak sah taraf atau anak di luar nikah semakin berleluasa di Malaysia. Peningkatan kes anak tidak sah taraf yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan keseriusan isu tersebut. Dalam Islam, anak-anak yang dilahirkan di luar nikah tidak akan mempunyai hak yang sama dengan anak-anak yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah untuk melindungi keturunan (nasab) sebagai salah satu *maqasid syar'iyah*. Penentuan kesahtarafan anak adalah sangat penting kerana ia mempunyai kesan yang besar terhadap hak kanak-kanak tersebut dan tanggungjawab ibu bapanya, seperti perwarisan, hak jagaan, dan nafkah. Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada isu mengenai penasaban untuk anak tidak sah taraf, seperti kedudukannya mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Beberapa kes yang berkaitan juga dianalisis untuk memahami amalan mahkamah. Kajian ini menggunakan penyelidikan berasaskan kepustakaan dan analisis kes. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan negeri di Malaysia menggunakan definisi yang sama dalam penentuan nasab anak. Walau bagaimanapun, hakim-hakim di mahkamah Syariah dari negeri-negeri yang berbeza kadangkala menggunakan ijtihad mereka untuk menentukan penasaban berdasarkan fakta kes di hadapan mereka. Kesimpulan kajian menekankan kepentingan untuk memahami kesan perkahwinan di luar nikah demi masa depan anak-anak.

Kata Kunci: *Nasab Anak, Anak Tak Sah Taraf, Undang-Undang Keluarga Islam*

Pengenalan

Fenomena anak tak sah taraf bukanlah satu isu yang baharu di Malaysia. Ia adalah isu yang amat penting memandangkan kesahan taraf seseorang itu mempunyai kesan dari segi syarak dan perundangan seperti isu perwalian dan perwarisan. Anak tak sah taraf juga sering menjadi isu dan tohmahan dalam masyarakat dengan diberi pelbagai gelaran seperti “Anak Zina”, “Anak Sumbang Mahram” dan juga disebut sebagai “Anak Luar Nikah”. Gelaran tersebut secara tidak langsung akan memberi kesan kepada anak tersebut kerana pada hakikatnya gelaran tersebut adalah akibat daripada keterlanjuran perhubungan ibu dan bapanya.

Pengerusi Yayasan Ikhlas Profesor Dr Zainur Rashid Zainudin dalam keratan akhbar baru-baru ini turut menyatakan kekusaran dan kebimbangannya terhadap peningkatan kelahiran anak luar nikah yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur (Oshman, 2023). Jika perkara ini tidak dikawal dengan perundangan yang sedia, bermungkinan kes kelahiran anak luar nikah ini akan melonjak naik saban tahun dan berkemungkinan menjadi satu normalisasi sekiranya ia tidak dibendung daripada awal (Mohd Nor, 2021).

Di Malaysia, segala perkara yang melibatkan pengesahan status anak tak sah taraf bagi orang beragama Islam terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan perkara yang melibatkan pendaftaran kelahiran bagi anak tak sah taraf pula akan terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara. Perkara ini telah diperuntukkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Hassan, 2013). Banyak kes-kes yang berkaitan dengan kelahiran anak tak sah taraf telah dilaporkan dan didaftarkan di Mahkamah Syariah dan Jabatan Pendaftaran Negara sehingga telah menunjukkan peningkatan statistik saban tahun. Peningkatan ini telah menimbulkan kekusaran dan kebimbangan kepada rakyat Malaysia tentang impak dan implikasi kepada sosial dan budaya.

Kajian ini memfokuskan dan membincangkan kedudukan anak tak sah taraf menurut hukum syarak dan perundangan di Malaysia serta mengkaji dan menganalisis kes-kes yang melibatkan anak tak sah taraf yang dilaporkan di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Perbincangan ini bukanlah bertujuan untuk menghukum anak tak sah taraf atau ibu bapa kandung bagi anak tak sah taraf tersebut namun kajian ini boleh dijadikan sebagai suatu pendidikan dan pengajaran bagi anak-anak muda dalam mendidik akhlak mereka dalam menghindari diri dari perbuatan maksiat daripada melakukan perbuatan yang terlarang.

Konsep Anak Tak Sah Taraf

Isu anak tak sah taraf banyak dibincangkan oleh para ilmuwan yang membahaskan mengenai takrifannya. Hal ini kerana takrifan bagi anak tak sah taraf amat penting memandangkan takrifan tersebut akan menjadi rujukan utama bagi menerangkan maksud sebenar bagi definisi anak tak sah taraf. Menurut tafsiran yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (MKI Kali Ke-44, 25 Jun 1998), anak tak sah taraf merujuk kepada anak yang dilahirkan di luar pernikahan akibat hasil daripada perbuatan zina atau rogol dan anak berkenaan bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. Anak tak sah taraf juga dirujuk sebagai anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua *lahzah* (saat) mengikut taqwim *qamariah*. Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa lagi, anak tak sah taraf tersebut tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang telah menyebabkan kelahirannya ataupun lelaki yang mengaku sebagai bapa kepada anak tersebut. Oleh hal demikian, bapa berkenaan tidak boleh menjadi wali dan tidak boleh menjadi mahram dan anak tak sah taraf tersebut tidak boleh mempusakai harta (MKI Kali Ke-44 25 Jun 1998). Mufti Wilayah Persekutuan turut mengeluarkan fatwa bahawa anak tak sah taraf merujuk kepada anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan suami isteri yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh diadikahkan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2012).

Dalam kajian lain ada menyatakan bahawa terdapat perbezaan kecil bagi istilah antara anak tak sah taraf dengan anak luar nikah yang mana istilah anak tak sah taraf ini lebih khusus merujuk kepada perspektif perundangan manakala anak luar nikah pula lebih merujuk kepada perspektif fiqh. Secara lazimnya, keturunan seseorang dibahaskan dalam bab pensabitan nasab. Untuk mengesahkan nasab seseorang, anak tersebut haruslah melalui perkahwinan yang sah antara ibu dan bapanya yang melayakkan anak tersebut mendapat nasab keturunan bapanya seterusnya mendapat hak perwarisan, wali dan sebagainya. Namun, sekiranya nasab seseorang anak diragui, maka anak tersebut haruslah merujuk kepada Mahkamah Syariah bagi mengesahkan status kenasaban anak tersebut sama ada melalui perkahwinan yang sah ataupun fasid. Perkara ini secara tidak langsung akan kesan kepada kehidupan anak tak sah taraf (Abdullah, xx).

Seterusnya, menurut hukum syarak anak tak sah taraf didefinisikan sebagai perakuan atau pengesahan seorang anak sebagai anak yang sah kepada bapanya daripada perkahwinan yang sah. Para ulama' telah menerangkan bahawa perakuan atau pengesahan tersebut boleh dalam tiga keadaan iaitu melalui perkahwinan yang sah atau fasid antara kedua ibu bapa bagi anak berkenaan. Seterusnya, perakuan boleh juga didapati sekiranya berlaku persetubuhan yang was-was atau *syubhah* dalam suatu perkahwinan antara lelaki dengan perempuan dan yang terakhir perakuan yang dibuat oleh seorang bapa bahawa anak berkenaan adalah anaknya (Hj. Ismail, 2013).

Menurut Sheikh Wahbah al-Zuhailiy, anak tak sah taraf merujuk kepada anak yang dilahirkan oleh ibunya hasil daripada jalan yang tidak syarie atau anak yang dilahirkan hasil daripada penzinaan. Dr Muhammad Mustafa Shalabiy telah mendefinisikan anak tak sah sebagai anak yang terhasil akibat daripada perhubungan tanpa perkahwinan bagi lelaki dan perempuan, atau akibat daripada perbuatan yang terlarang iaitu zina dan anak berkenaan dinamakan dengan anak yang tidak syarie. Menurut Dr Ramadan 'Ali al-Sayyid al-Sharanbassi anak tak sah taraf ialah anak tidak syarie yang terhasil akibat daripada perbuatan keji (zina) seperti yang diketahui (Wan Ismail, 2020). Berdasarkan kepada beberapa takrifan yang telah dikemukakan, ini menunjukkan bahawa kesemua definisi tersebut telah membawa kepada maksud yang hampir sama.

Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Menurut Hukum Syarak

Allah SWT mencipta manusia secara berpasangan dengan tujuan agar manusia merasa ketenangan dan kemudian mendapatkan keturunan untuk mereka melanjutkan tugas sebagai khalifah di muka bumi. Perkahwinan adalah ikatan antara lelaki dan perempuan untuk membina rumah tangga yang harmoni berlandaskan syariat Islam. Melihat kepada dunia hari ini, perkembangan dunia semakin pesat dan tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak interaksi yang sering mengatasi norma agama dan undang-undang. Kesan pergaulan bebas yang tidak mempedulikan nilai-nilai agama ini akan mudah

menjerumuskan seseorang kepada perkara yang tidak diinginkan. Kita dapat lihat keadaan sekarang adalah sangat membimbangkan di mana berleluasanya hubungan seks bebas yang dianggap normal.

Banyak daripada kes seks bebas ini mengakibatkan kehamilan di luar nikah dan jalan yang mereka ambil jika seseorang wanita itu sudah mengandung tanpa suami selalunya adalah pengguguran. Walau bagaimanapun, terdapat juga wanita yang hamil luar nikah dan meminta lelaki itu bertanggungjawab mengahwininya supaya wujudnya sebuah perkahwinan selepas mengandung. Hal ini akan sangat mempengaruhi masa depan anak terhadap kedudukan dan status anak baik dalam agama dan perundangan. Hal ini kerana, dalam konteks sosial atau dalam masyarakat, kewujudan anak di luar perkahwinan dilihat sebagai diskriminasi dan biasanya disifatkan kepada anak itu sebagai anak luar nikah dan seumpamanya. Padahal setiap kanak-kanak berhak untuk memiliki kehidupan selayaknya. Lebih-lebih lagi, anak yang lahir dari hasil zina, tidak boleh mendapat hak sebagaimana hak yang diperolehi anak yang sah terutamanya dari segi persaudaraan, wali, perkahwinan dan hubungan pusaka walaupun secara biologi, kanak-kanak hasil daripada perkahwinan mempunyai pertalian darah dengan ibu bapanya. Persoalan di sini adalah sama ada kanak-kanak itu mempunyai hubungan undang-undang dengan ibu bapanya atau tidak, dan apakah pandangan hukum syarak berkenaan status anak luar nikah.

Pendapat Fuqaha' berkenaan Usia Anak Tak Sah Taraf

Pada pandangan umumnya, anak tak sah taraf adalah anak yang dilahirkan oleh ibunya yang berzina sama ada si ibu itu telah berkahwin atau belum. Sebelum ini, mereka dipanggil sebagai anak zina, seterusnya anak luar nikah (Hj Ismail, 2013). Dalam hal ini, *Jumhur* bersepakat bahawa anak tak sah taraf tidak dinasabkan kepada bapanya kecuali pada zaman jahiliah. Manakala, Ibnu Taimiyyah mengklasifikasikan anak tak sah taraf ini sebagai anak yatim (Hamzah, 2018). Menurut para fuqaha' juga, anak tak sah taraf itu adalah anak yang tidak boleh disabitkan nasabnya kepada penzina, melainkan perisetubuhan itu disandarkan kepada pernikahan yang sah atau fasid atau syubhah atau dari hamba yang dimiliki atau syubhah hamba yang dimiliki, maka boleh dinasabkan kepada penzina dan kedua-duanya boleh diwarisi dan mewarisi antara satu sama lain.

Dalam konteks Malaysia, menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah sepakat mendefinisikan anak tak sah taraf sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada perisetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. Namun begitu, mereka menambah satu lagi persepakatan berhubung usia anak tak sah taraf iaitu anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut takwin qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh) (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

Asas kepada pandangan ini adalah antara pengertian dua ayat al-Quran yang berkait dengan masalah berkenaan. Ayat pertama ialah firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf, ayat 15:

Maksudnya: ...Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan...

Sementara ayat kedua pula ialah firman Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 14:

Maksudnya: ...dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun...

Dalam ayat pertama Allah menyebut tempoh mengandung bersama menyusu adalah selama 30 bulan. Sementara dalam ayat kedua pula Allah menegaskan tempoh menyusu selama dua tahun, iaitu 24 bulan. Ini bererti, mengikut kaedah berkenaan tempoh terbaki, iaitu enam bulan merupakan tempoh minimum bagi mengandung.

Menyentuh berkenaan usia anak tak sah taraf, pandangan-pandangan daripada mazhab Fiqh juga ada meletakkan tempoh tertentu sebagai tahap maksimum tempoh mengandung bagi memastikan sama ada seseorang anak itu sah taraf atau tidak. Pandangan pertama iaitu Mazhab Hanafi meletakkan tempoh maksimum kandungan adalah dua tahun dari saat perisetubuhan dan kelahiran anak. Manakala menurut pendapat Mazhab Syafie, Hanbali dan sebahagian besar Ulama Maliki berpendapat bahawa tempoh

maksimum kandungan adalah selama empat tahun dan ulama telah bersepakat bahawa tempoh minimum suatu kandungan adalah dalam tempoh enam bulan (Zanariah Noor, 2018). Justeru, mana-mana anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan akan dikira sebagai anak tak sah taraf.

Hukum-Hukum Pensabitan Anak Tak Sah Taraf

Hukum wanita menisbahkan anak kepada bukan bapanya yang hakiki adalah haram. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: Mana-mana perempuan yang memasukkan kepada satu kaum sedangkan ia bukan daripada mereka, maka tiadalah daripada Allah sesuatu pun. Dan Allah pasti memasukkannya (perempuan tersebut) ke syurga. Mana-mana lelaki yang mengingkari anaknya sedangkan ia mengetahui hakikatnya, maka Allah akan menghijabkannya daripada-Nya dan menghinanya di khalayak mereka yang terdahulu hingga akhirnya.

Selain itu, Islam juga mengharamkan anak angkat dibinkan atau dibintikan kepada bapa angkat. Hal ini bermula daripada kisah Nabi di mana ketika baginda mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat dan berbinkan dengan nama baginda sehingga turunya nas Ilahi iaitu:

Firman Allah: *“(Diperintahkan dengan yang demikian kerana) Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya; dan Ia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu “zihar” kan itu sebagai ibu kamu; dan Ia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dia lah jua yang memimpin ke jalan yang betul. Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber”bin”kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai ‘maula-maula’ kamu.”*

Berdasarkan dalil yang disebutkan di atas, beberapa kaedah telah ditetapkan oleh para fuqaha’ dalam mensabitkan nasab iaitu perkahwinan, persaksian, pengakuan dan *qifayah* (iaitu proses pencetakan melalui persamaan fizikal oleh dua orang pakar). Antara keempat-empat kaedah ini, pensabitan nasab melalui perkahwinan adalah kaedah yang disepakati oleh semua fuqaha’. Walau bagaimanapun, dalam konteks penasaban anak zina atau anak tak sah taraf, tiada khilaf di kalangan para ulama bahawa anak tak sah taraf tidak disabitkan nasab kepada lelaki yang berzina dengan ibu anak tersebut, melainkan nasab jatuh kepada si ibu.

Jadual 1: Hak Anak tak sah taraf dan tanggung jawab ibu bapa/ penjaga mereka.

Hak-hak Yang Dijamin Terhadap Anak Tak Sah Taraf

Jadual di atas menunjukkan hak-hak anak-anak tidak sah taraf dan juga tanggung jawab ibu bapanya. Secara umumnya anak tak sah taraf juga mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak lain (Mohd Salleh, Ahmad & Zahalan, 2018). Ini kerana menurut Islam, semua manusia itu sama sahaja di sisi agama dan yang membezakannya adalah iman dan taqwa. Merujuk kepada jadual di atas, anak tak sah taraf adalah hidup di bawah tanggungan ibunya. Hal ini berbeza dengan anak sah taraf di mana mereka dinasabkan kepada bapa mereka dan segala nafkah juga ditanggung oleh bapa mereka. Walaupun anak tak sah taraf lahir daripada sebuah perhubungan yang haram di sisi syarak, namun anak tersebut tidaklah menanggung dosa ibu dan bapa biologinya dan bukanlah hina seperti pandangan umum. Bahkan mereka masih diberi hak yang sama untuk hidup dengan anak-anak yang lain.

Hak-Hak Terhadap Anak Tak Sah Taraf	Keterangan
Penamaan dan Nasab Anak tak sah taraf dinasabkan pada ibunya	Anak tersebut tidak boleh dibinkan kepada lelaki (bapa biologinya) sekiranya anak itu hasil daripada persetubuhan haram antara ibunya dengan lelaki (ayah biologinya). Justeru, anak tersebut seharusnya dinasabkan dengan nama asma'ul husna yang berpangkalkan Abdul.
Nafkah	Memandangkan nasab anak tak sah taraf adalah kepada ibunya, maka tanggungjawab nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf juga terletak kepada ibunya. Nafkah yang dimaksudkan di sini adalah segala keperluan penting seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan keperluan asasi yang lain.
Penjagaan atau hadhanah	Hubungan nasab (keturunan) anak tak sah taraf dengan ibu serta ahli keluarganya tidak terputus. Oleh itu tanggungjawab menjaga anak tak sah taraf menjadi tanggungjawab ibu dan saudara di sebelah ibunya.
Harta pusaka	Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan ibunya. Begitu juga ibu tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan anak tersebut. Oleh itu, kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Adapun, seseorang anak tak sah taraf tidak boleh mempusakai harta bapanya yang tidak sah. Namun, bapa biologina boleh memberikan harana secara hibah seperimana pemberian hibah oleh mana-mana pihak sama ada daripada kalangan ahli keluarga mahupun bukan ahli keluarga.
Perwalian	Hak perwalian diri anak tak sah taraf terletak kepada ibunya. Walau bagaimanapun, wali perkahwinan bagi seseorang anak tak sah taraf perempuan dipegang oleh wali hakim. Ini adalah kerana seseorang perempuan tidak sah menjadi wali di dalam apa jua perkahwinan. Sabda Rasulullah S.A.W: <i>Maksudnya: Sultan adalah wali kepada sesiapa yang tidak mempunyai wali.</i> (Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

KEDUDUKAN ANAK TAK SAH TARAF MENURUT PERUNDANGAN MALAYSIA

Terdapat beberapa Akta dan Enakmen yang memberi peruntukan mengenai Anak Tak Sah Taraf di Malaysia. Anak Tak Sah Taraf akan menanggung implikasi yang besar pada masa hadapan dari sudut agama, undang-undang dan kemasyarakatan (Wan Ismail et al, 2020). Memandangkan isu ini melibatkan penasaban, pewalian, harta pusaka anak, kewarganegaraan serta hak anak, maka penelitian undang-undang amat perlu dilakukan dan dipraktikkan bagi mengelakkan kemudaratan kepada anak tersebut.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Menurut Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, “tak sah taraf” berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah. “Nasab” pula didefinisikan dalam Seksyen 2 sebagai keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah.

Persoalan mengenai siapakah yang dikaitkan sebagai bapa ada dirangkumkan dalam Seksyen 111 Enakmen ini di mana jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu.

Menurut Seksyen 111 ini, sekiranya seseorang anak lahir kurang daripada tempoh enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinan, maka anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapanya dan akan dikira sebagai Anak Tak Sah Taraf.

Seksyen 86 juga ada memperuntukkan tentang penjagaan anak-anak tak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah Bagi Menentukan Penasaban

Menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan). Antara butiran yang disebut dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Butiran (1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“...keanggotaan, susunan dan tatacara Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan;...”

Mahkamah Tinggi Syariah adalah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa bagi mendengar sebarang kes mengenai Anak Tak Sah Taraf. Sebarang permohonan mestilah di buat di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 61(3)(b)(iii) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri-Negeri lain. Kes mestilah dimulai melalui ‘Permohonan’ iaitu Permohonan Pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf. Permohonan Pengesahatarafan ini boleh dibangkitkan dalam beberapa keadaan seperti i) Penolakan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara untuk menasabkan nama anak kepada bapa biologi, ii) Permohonan Pelantikan Wali Hakim; iii) Permohonan Pembahagian Harta Pusaka; dan iv) Permohonan Mengesahkan Sabitan Nasab (Hassan, Subri & Abdul Mutalib, 2013).

Walaupun Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai bidang kuasa untuk menentukan isu berkaitan penasaban anak ini, namun ada juga terdapat kes di mana pasangan suami isteri memfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah sivil memandangkan permohonan mereka untuk mem’bintikan’ nama kanak-kanak kepada bapa biologinya ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Dalam semakan kehakiman tersebut, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan untuk dibintikan kepada bapa biologinya memandangkan pasangan suami isteri ini beragama Islam dan mereka terikat dengan perundangan Islam di negeri mereka menetap, iaitu Johor (Muhammad et al, 2021).

Kebiasaannya, Mahkamah Syariah membenarkan permohonan Pengesahatarafan Anak Tak Sah Taraf dalam situasi-situasi berikut (Hassan, et al, 2013):-

1. Kesahatarafan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan;
2. Kesahatarafan anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan;

3. Kesahtarafan anak di dalam kes suami menghilangkan diri;
4. Kesahtarafan anak yang lahir setelah berlakunya penceraian; dan
5. Kesahtarafan anak di dalam kes Wati Syubhah.

Memandangkan isu membenarkan Anak Tak Sah Taraf dibin/bintikan kepada bapa biologinya adalah isu yang sangat sensitif, maka Mahkamah Syariah sangat teliti dalam membenarkan atau menolak permohonan ini. Hal ini demikian kerana perkara ini amat penting bagi memastikan nasab keturunan seseorang anak itu benar-benar bersih dan suci serta tidak berlaku sebarang percampuran keturunan.

Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299)

Di Malaysia, setiap kelahiran termasuklah Anak Tak Sah Taraf mestilah didaftarkan melalui Jabatan Pendaftaran Negara dan tertakluk kepada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957(BDRA) [Akta 299]. Menurut Amalan di Jabatan Pendaftaran Negara (“JPN”) sebelum tahun 2009, adalah menjadi amalan dan norma untuk tidak meletakkan nama bapa dalam sijil kelahiran anak walaupun ibu bapa tersebut mengaku bahawa anak tersebut adalah anaknya. Pihak JPN akan mengosongkan nama bapa dan mencatatkan “tidak diketahui” di bahagian maklumat bapa. Seksyen 13 Akta 299, memperuntukkan:

Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal Anak Tak Sah Taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

Walaubagaimanapun, amalan ini telah dibatalkan berikutan pematuhan Seksyen 13A Akta 299 (Pekeliling JPN, 8/2009) yang menyatakan seperti berikut:-

Seksyen 13A: Nama Keluarga Kanak-Kanak

- (1) *Bagi anak sah taraf, nama bapa kandung akan dijadikan nama keluarganya;*
- (2) *Bagi anak tidak sah taraf, nama ibu (ibu yang secara sukarela memberi maklumat tentang dirinya) boleh diletakkan sebagai nama keluarga dengan syarat orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut seksyen 13 meminta sedemikian*

Sungguhpun begitu, Seksyen 13A adalah tidak terpakai kepada kaum Melayu dan juga India yang beragama Hindu berikutan mereka tidak mempunyai nama keluarga. Seperti yang telah diputuskan di Mahkamah Persekutuan dalam kes *Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v. Seorang Kanak-Kanak & lain-lain; Majlis Agama Islam Negeri Johor (Intervener)* [2020] 4 CLJ 731, adalah diputuskan bahawa seorang bapa kepada anak tidak sah taraf yang berketurunan Melayu tidak boleh mendaftarkan namanya di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Memandangkan tiada perundangan yang mendefinisikan ‘nama keluarga’, maka ‘bin’ atau ‘binti’ pada nama anak-anak Melayu tidak selari dengan penggunaan Seksyen 13A Akta 229. Maka, penggunaan ‘bin Abdullah’ adalah bersifat tidak mendiskriminasi kepada anak tersebut.

Namun demikian, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Ismail Yahya dalam kes *Zafrin Zulhilmi Pauzi v. Noor Aini Nasron* [2012] 1 CLJ (Sya), memutuskan bahawa bayi yang dilahirkan oleh Responden adalah anak Pemohon dan boleh dibintikan kepada Pemohon meskipun bayi itu dilahirkan oleh responden empat bulan 24 hari setelah waktu diakadnikahkan. Walaupun begitu, Pemohon sama sekali tidak boleh menjadi wali kepada anaknya selama-lamanya dan tidak boleh saling mempusakai dengan anak tersebut. Kes-kes ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya (Perbincangan Kes).

Mengikut amalan JPN, pendaftaran di bawah Seksyen 13 atau pendaftaran tanpa maklumat bapa ini adalah pendaftaran bersifat sementara dan ia terbuka kepada perubahan dan pindaan apabila Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah bahawa anak tersebut sah. Pindaan ini boleh dipohon oleh ibu bapa dan akan diproses dalam masa 14 hari bekerja (Wan Ismail et al, 2020). Seksyen 27(3) Akta 299 ada memberi peruntukan mengenai pembetulan kesilapan dan pengubahan dalam daftar.

ANALISIS KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH BERHUBUNG PENASABAN ANAK TAK SAH TARAF

Terdapat beberapa jenis kes yang melibatkan permohonan pengesaharafan Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah antaranya:-

- (i) Pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menolak untuk menasabkan Anak Tak Sah Taraf kepada bapa biologi;
- (ii) Permohonan Pelantikan Wali Hakim;
- (iii) Permohonan Pembahagian Harta Pusaka;
- (iv) Permohonan Mengesahkan Sabitan Nasab;

Kes-kes yang di bawa ke Mahkamah berhubung permohonan pengesaharafan Anak Tak Sah Taraf adalah kebanyakannya merujuk kepada perkara (i) dan (ii) seperti yang dinyatakan di atas. Ini memandangkan pihak Jabatan pendaftaran negara (JPN) tidak menerima sebarang permohonan bagi pendaftaran kelahiran anak untuk dinasabkan kepada bapa biologi sekiranya dokumen yang dilampirkan pemohon tidak lengkap. Antara sebab permohonan tidak lengkap atau ditolak adalah seperti pemohon kehilangan sijil nikah atau perkahwinan yang melibatkan kelahiran di bawah enam bulan dari tarikh pernikahan. Dalam situasi ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan meminta pemohon untuk merujuk kes di Mahkamah Syariah dan mendapatkan perintah Pengesaharafan Anak.

Perbincangan kes-kes mengikut negeri di Malaysia.

Negeri Terengganu

Kes: Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini bt Nasron, [2013] 2 SHLR 39

Dalam kes ini, Noor Aini bt Nasron (responden) telah melahirkan anak selepas 4 bulan 24 hari dari waktu pemohon dan responden di akad nikahkan. Tempoh 4 bulan 24 hari itu tidak memenuhi syarat cukup tempoh menasabkan bayi yang dilahirkan itu kepada pemohon menurut hukum syarak; iaitu enam bulan dari waktu akad nikah perkahwinan. Perkara yang menjadi isu ialah sama ada anak tersebut boleh dinasabkan dengan pemohon dalam kes ini. Mahkamah setelah melalui penelitian memutuskan untuk menasabkan anak tersebut (ND Aqilla binti Abdullah) kepada pemohon (Zafrin Z bin Pauzi) mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan semasa. Anak berkenaan itu hendaklah dinasabkan kepada pemohon tetapi pemohon terhalang daripada menjadi wali kepada anaknya itu dan keduanya tidak boleh saling mempusakai.

Kes: Faizal bin Rabion v Nurul Fazila bt Nawi [2014] 1 SHLR 137

Defendan telah melahirkan seorang anak selepas lima bulan sembilan hari dari tarikh akad nikah Plaintiff dan Defendan. Plaintiff menuntut agar anak tersebut dikaitkan kepadanya sebagai bapa dan menuntut agar maklumat bapa dalam sijil kelahiran anaknya itu diubah kepada maklumat dirinya. Plaintiff juga menuntut agar Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membenarkan anak tersebut didaftarkan dan dikeluarkan kad pengenalan dengan nama anak tersebut dibincang kepada nama plaintiff sebagai bapa yang sah.

Dalam kes ini, plaintif sedar bahawa anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepadanya mengikut hukum syarak kerana dilahirkan kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya dengan defendan. Namun, tuntutan plaintif adalah bagi tujuan pentadbiran/perundangan. Mahkamah memutuskan, walaupun anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada plaintif menurut hukum syarak tetapi anak tersebut boleh dan hendaklah dibenarkan dinasabkan kepada plaintif bagi tujuan perundangan atau pentadbiran seperti bagi tujuan pendaftaran persekolahan. Dalam kes ini, anak tersebut tetap tidak boleh mewarisi pusaka plaintif dan sekiranya jika anak tersebut seorang perempuan, plaintif tetap tidak boleh menjadi wali dalam pernikahan anak tersebut.

Keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu bagi kedua-dua kes Zafrin Zulhilmi dan Faizal Rabion ini tidak mengikut apa yang telah terkandung dalam peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu, apatah lagi fatwa yang telah dikeluarkan berhubung perkara tersebut. Menurut Musa et.al (2023), percanggahan dalam mentafsirkan peruntukan dan fatwa yang berkenaan oleh hakim dalam kes ini adalah satu perkara *ijtihadiah* kerana seseorang hakim mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, malah mempunyai tafsiran yang berbeza-beza dalam menentukan kesahatarafan anak. *Ijtihad* dalam kalangan hakim syarie merupakan satu tugas penting dan ia menjadi matlamat utama dalam ilmu usul al-fiqh. Di samping ilmu usul fiqh, kaedah *fiqhyyah* dan *maqasid al-shariah* juga menjadi struktur utama *ijtihad* dan ini termasuk amalannya dalam pendengaran kes kesahatarafan anak (Musa et al, 2023).

Di Terengganu, secara umum tiada peruntukan yang jelas dan khusus yang melarang Mahkamah Syariah untuk membenarkan permohonan pengesahatarafan anak tidak sah taraf yang lahir kurang enam bulan qamariah daripada tarikh perkahwinan ibubapanya disebabkan keumuman Fatwa Negeri Terengganu yang diwartakan pada 6 Januari 2005 yang menyebutkan bahawa:

"Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak".

Kes: Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff [2014] 2 SHLR 83

Kes ini merupakan satu tuntutan supaya mahkamah membuat penentuan sabitan nasab bagi seorang bayi perempuan yang bernama Nur Farisha bt Abdullah yang telah dilahirkan oleh defendan (Suhaila bt Yusoff) pada 5 Mei 2009. Tuntutan ini adalah untuk menentukan sama ada bayi tersebut adalah anak sah taraf atau sebaliknya mengikut hukum syarak. Tuntutan ini adalah untuk memohon kepada mahkamah agar anak tersebut dinasabkan kepada plaintif (Mohd Faizol bin Zainal) sebagai bapa. Plaintif dan defendan telah bernikah pada 8 Januari 2009. Menurut pengakuan plaintif dan defendan, defendan telah hamil anak tersebut pada Ogos 2008 hasil daripada hubungan luar nikah. Menurut plaintif dan defendan, mereka terpaksa melewatkan pernikahan mereka disebabkan kemalangan yang dialami oleh plaintif. Disebabkan kelewatan tersebut, usia kandungan defendan pada waktu defendan dan plaintif bernikah telah pun mencecah empat bulan lebih. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menolak untuk meletakkan binti kepada nama plaintif selaku bapa atas alasan anak tersebut tidak mencukupi tempoh enam bulan dari tarikh akad nikah perkahwinan plaintif dan defendan dan membintikan anak tersebut kepada Abdullah.

Mahkamah menolak tuntutan plaintif untuk sabitan nasab anak. Mahkamah memutuskan bahawa keperluan sabitan kebapaan bagi seseorang anak amat perlu bagi menentukan status dirinya (kesahtarafan), serta memastikan haknya untuk mendapatkan nafkah, penjagaan diri (wilayah al-abdan), penjagaan harta (wilayah al-mal), dan pewarisan pusaka. Islam mengambil berat tentang nasab seseorang kerana ia merupakan asas dalam menentukan pembahagian tugas dalam institusi kekeluargaan serta langkah untuk mengelakkan daripada salasilah keturunan yang bercampur-aduk. Di dalam kes ini berdasarkan kepada iqrar pengakuan defendan bahawa beliau telah mengandungkan kanak-kanak tersebut akibat dari hubungan luar nikah dengan plaintif. Oleh itu, bayi yang lahir itu adalah anak luar nikah atau anak tidak sah taraf. Dalam tuntutan pengesahatarafan anak tersebut, mahkamah berpuas hati bahawa bayi yang telah dilahirkan oleh defendan pada 5 Mei 2009 telah tidak memenuhi syarat-syarat untuk dinasabkan kepada plaintif menurut hukum syarak dan undang-undang. Justeru itu, bayi berkenaan tidak boleh dinasabkan kepada plaintif sebagai bapanya.

Kes: Hamid Ismail v Nurjannah Abdullah [1437H] JH 42 Bhg 2

Perayu membuat rayuan tidak berpuas hati dengan Mahkamah Tinggi Syariah yang menolak permohonan untuk pengesahan nasab. Perayu adalah suami isteri bernikah 29.1.2007 di Kuala Lumpur. Dikurniakan anak perempuan Mahmudha Bt Abdullah lahir pada 17.7.2007 iaitu 5 bulan 23 hari dari tarikh akad nikah. Perayu memfailkan tuntutan pengesahan nasab di Mahkamah Tinggi Syariah untuk anak tersebut diisytiharkan anak sah taraf dan dinasabkan kepadanya dengan alasan urusan JPN dan doktor terpaksa membuat pembedahan kerana perayu terlalu lemah. Perayu mengemukakan empat alasan merayu:

1. menjaga nama baik anak dan elakkan kesan buruk;
2. mahkamah boleh guna budi bicara membenarkan bagi tujuan perundangan keduniaan atau pentadbiran;
3. mahkamah boleh merujuk pandangan ulama yang membolehkan dinasabkan;
4. mahkamah boleh memilih mana-mana ijtihad ulama bagi mengelakkan kemudharatan.

Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan dan hanya membincangkan satu isu iaitu sama ada anak tersebut boleh dinasabkan atau dibintikan kepada bapa biologi ataupun tidak. Perayu akur anak dilahirkan selepas 5 bulan 23 hari dari tarikh akad nikah. Pendapat Dr Abd Karim Zaidan hanya membolehkan sekiranya bapa biologi tidak menyatakan bahawa anak itu adalah dari perbuatan zinanya. Dalam kes ini perayu telah mengaku terlanjur. Alasan bagi urusan perundangan dan pentadbiran keduniaan hanya akan mendatangkan lebih kemudharatan kepada kepentingan awam. Oleh itu, Mahkamah Rayuan Syariah di dalam kes ini telah membatalkan prinsip penghakiman di dalam keputusan kes Zafrin Zuhilmi dan telah memutuskan seperti yang berikut:

“Pada hemat kami, penasaban anak tidak sah taraf kepada bapa biologinya untuk tujuan perundangan/pentadbiran keduniaan semata-mata seperti yang diputuskan dalam kes Zafrin Zuhilmi akan lebih mendatangkan kemudharatan kepada kepentingan awam (masalah ammah) dalam pentadbiran hukum Syarak di negara ini walaupun di sana ada kebaikannya. Keadaan semasa tentang statistik pendaftaran anak-anak tidak sah taraf di Jabatan Pendaftaran Negara berada tahap yang sangat membimbangkan. Walaupun wujudnya kepentingan khusus (masalah khassah) pada anak tidak sah taraf tersebut, tetapi keutamaan hendaklah diberikan kepada memelihara kepentingan awam”.

Negeri Selangor

Kes: MRH v SN [2018] 3 SHLR 44

Dalam kes ini, plaintif dan defendan telah di akad nikahkan pada 1 Januari 2009 dalam keadaan defendan yang sedang hamil enam bulan. Selepas 60 hari dari tarikh pernikahan, defendan telah melahirkan seorang anak lelaki iaitu pada 1 Mac 2009. Plaintif telah membuat permohonan pengesahatarafan anak tersebut supaya dapat dinasabkan kepada anaknya. Antara isu yang dibincangkan dalam kes ini ialah samada anak tersebut boleh dinasabkan kepada plaintif atau tidak. Dalam kes ini, anak tersebut lahir kurang dari enam bulan qamariah dua lahzoh. Maka, mahkamah memutuskan untuk menolak permohonan tersebut berpandukan Fatwa fuqaha' Mazhab as-Syafie yang melarang menasabkan anak yang lahir kurang dari enam bulan dengan lelaki yang menyetubuhi ibu kepada anak tersebut. Mahkamah juga merujuk kepada Fatwa Kebangsaan dan juga Fatwa Negeri Selangor yang mentakrifkan anak tidak sah taraf sebagai anak yang lahir kurang dari enam bulan dua lahzoh mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin dan tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menghamilkan wanita tersebut. Oleh itu, diputuskan bahawa anak tersebut adalah anak tidak sah taraf dan tidak boleh dibinkan kepada plaintif.

Kes: WNHA v MHI [2018] 3 SHLR 75

Dalam kes ini, WNHA (plaintif) telah memohon kepada mahkamah untuk mengisytiharkan anak lelakinya yang bernama MEH bin MHI sebagai anak tak sah taraf dan tidak boleh dinasabkan kepada defendan iaitu bapa kepada anak tersebut. Plaintif memberi keterangan bahawa semasa akad nikah dijalankan, plaintif sedang mengandung tujuh bulan lebih dan anak yang dikandung itu lahir selepas dua bulan plaintif dan dan defendan diakad nikahkan. Antara perkara yang menjadi isu di dalam kes ini ialah sama ada anak tersebut anak sah taraf dan boleh dinasabkan kepada defendan ataupun tidak. Dalam kes ini, anak tersebut telah lahir kurang dari enam bulan qamariah dua lahzoh. Mahkamah merujuk kepada Fatwa fuqaha' Mazhab as-Syafie menyatakan bahawa anak yang lahir kurang dari enam bulan adalah dilarang dihubungkan dengan lelaki yang menyetubuhi ibu kepada anak tersebut. Mahkamah juga merujuk Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri Selangor yang mentakrifkan anak tidak sah taraf sebagai anak yang lahir kurang dari enam bulan dua lahzoh mengikut takwim qamariah daripada tarikh *tamkin* dan tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menghamilkan wanita tersebut. Justeru itu, Mahkamah telah mensabitkan anak tersebut sebagai anak tak sah taraf dan memerintahkan agar Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membuat pindaan berhubung daftar kelahiran anak tersebut.

Wilayah Persekutuan

Kes: Nagira Begam bte E Mohamed v Rajul Ali [2006] 3 SHLR 117

Mahkamah telah memfaraqkan pernikahan kedua-dua pihak dan pemohon (P1) diperintahkan beriddah sehingga melahirkan anak. Anak yang bakal dilahirkan oleh PI nanti adalah anak dari persetubuhan syubhah dan hendaklah dinasabkan kepada P2 serta hendaklah didaftarkan sebagai anak sah taraf kepada P2. Mahkamah berhujah dengan merujuk kitab Al-Ahwal al-Syakhsyah, Karangan Imam Abu Zahrah yang menyebut, apabila lahir anak akibat daripada persetubuhan shubhah yang berlaku di dalam akad pernikahan yang fasid (batal) atau syubhah yang berlaku bukan kerana akad nikah yang terbatal boleh dinasabkan kepada lelaki berkenaan jika kelahiran anak itu berlaku enam bulan selepas persetubuhan shubhah. Tetapi jika kelahiran berlaku kurang daripada enam bulan selepas persetubuhan itu, kanak-kanak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada lelaki berkenaan. Mahkamah juga berpandukan kepada Seksyen 113 AUUKIWP yang memperuntukkan;

“Jika seseorang lelaki melakukan persetubuhan shubhah dengan seorang perempuan dan kemudiannya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam tempoh antara enam bulan qamariah hingga empat tahun qamariah selepas persetubuhan itu, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu”.

P1 dan P2 dalam kes ini menyangka akad nikah mereka sah sedangkan ia sebaliknya. Oleh itu, Mahkamah memutuskan Anak yang bakal dilahirkan oleh PI nanti adalah anak dari persetubuhan 'shubhah' dan hendaklah dinasabkan kepada P2 serta hendaklah didaftarkan sebagai anak sah taraf kepada P2.

Negeri Sembilan

Kes: Norzaini bte Alias v Mohamad Sharif bin Mohamad Taib [2006] 4 SHLR 153

Dalam kes ini plaintif dan defendan telah di akad nikahkan pada 10 April 1987 dan telah melakukan persetubuhan selepas akad pernikahan. Plaintif dan defendan kemudiannya bercerai pada 21 Ogos 1989. Anak yang dikandung oleh plaintif lahir pada 27 Februari 1988 mengikut dokumen P2 (sijil kelahiran) iaitu selama sembilan bulan lebih mengikut tahun masihi dan ia melebihi tempoh minima mengandung iaitu selama enam bulan qamariah. Tempoh tersebut diambil kira kemungkinan plaintif mengandung hasil persetubuhan pada malam pertama. Oleh itu mahkamah berpendapat syarat-syarat untuk anak yang dilahirkan oleh plaintif dinasabkan kepada defendan telah dipenuhi dalam kes ini.

Dalam kes ini, alasan untuk pihak defendan untuk menafikan nasab anak hanya terbatas kepada dua sahaja iaitu hanya jika ia melihat plaintif berzina, atau ada qarinah- qarinah yang cukup kuat untuk menunjukkan anak yang lahir itu adalah dari hasil perzinaan seperti defendan melihat plaintif berkhawat dengan lelaki bukan muhrimnya. Namun, dalam kes ini penafian tersebut hanya berdasarkan penafian mengandung plaintif semasa sesi kaunseling. Defendan mendakwa plaintif tidak mengandung hanya berdasarkan pengakuan plaintif sendiri tetapi dalam kes ini defendan tidak menafikan bahawa ia melakukan hubungan kelamin sejak malam pertama lagi dan tidak pula ia mendakwa isterinya didatangi haid selepas persetubuhan kali terakhirnya. Oleh itu penafian mengandung untuk mendakwa plaintif berzina tidak menepati syarat-syarat yang digariskan oleh hukum syarak.

Negeri Perlis***Kes: Amri bin Abd Rahim v Aspini bt Saad (Kes No.09100-006-0166-2013)***

Mahkamah di dalam kes ini telah memutuskan berdasarkan kepada peruntukan dalam Enakmen Undang-undang keluarga Islam Perlis dan menolak fatwa Perlis yang telah diwartakan pada tahun 2012 iaitu membolehkan anak yang lahir kurang daripada enam bulan dinasabkan kepada bapa yang mengahwini ibunya (Musa et al, 2023).

Kes: Muhammad Irham Mohd Zabidi (Rayuan No: 09000-006-0002-2022)

Kes ini adalah berkenaan rayuan perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kangar, Perlis yang telah menolak permohonan Perayu berkenaan pengesaharafan anak yang bernama Nufa Aleena Abdul Malik. Perayu telah bernikah dengan pasangannya Nurin Jazlina Mohd Nizar pada 9 September 2021 dan selepas lebih kurang empat bulan lebih dari tarikh perkahwinan, isteri Perayu telah melahirkan seorang anak perempuan. Dengan fakta ini jelas ini serta mengikut hukum syarak dan peruntukan di seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006, MTSKP telah memutuskan bahawa anak tersebut adalah anak tak sah taraf.

Oleh itu, Perayu mengemukakan alasan rayuan yang antaranya adalah Yang Arif Hakim MTSKP terkhilaf dari segi undang-undang apabila menafikan hak pihak-pihak untuk beramal dengan fatwa yang diwartakan sedangkan Mahkamah sendiri mengakui bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan fatwa tersebut dan Mahkamah perlu mengiktiraf fatwa yang telah diwartakan.

Warta Kerajaan Negeri Perlis Jilid 56, No. 2 bertarikh 17 Januari 2012, No 7 berkenaan anak sah taraf memperuntukkan anak yang lahir kurang dari enam bulan qamariah selepas ibunya berkahwin boleh dibintikan kepada suami ibunya, kecuali dinafikan si suami. Perayu berhujah bahawa fatwa ini perlu dijadikan sandaran oleh Mahkamah dalam membenarkan permohonan Perayu memandangkan fatwa ini merupakan satu ijtihad yang dipersetujui antara para fuqaha' dengan tujuan menjaga aib dan maruah anak yang dilahirkan serta mengambil realiti masa kini dengan melihat kepada kecenderungan yang akan berlaku kelak. Mengambil pandangan Mufti Perlis, Dato' Dr. Asri Zainul Abidin, nama Abdullah ke atas anak luar nikah itu lebih membuka keaiban si anak (Roslan, 2023).

Kes-Kes Semakan Penghakiman di Mahkamah Sivil

Dua kes yang akan dibincangkan berikutnya adalah berkenaan semakan penghakiman yang dibuat oleh pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jabatan Pendaftaran Negara mendaftarkan bin dan binti “Abdullah” bagi anak yang dilahirkan kurang 6 bulan qamariah dari tarikh perkahwinan serta menolak permohonan untuk anak tersebut dibin dan dibintikan kepada nama bapa. Kedua-dua kes ini juga merujuk kepada Undang- Undang Islam Negeri Johor.

Kes: Muhammad Ezaac Iskandar Abdullah & Ors v. Jabatan Pendaftaran Negara & Ors [2017] 4 MLRH 13

Di dalam kes ini, Pemohon-Pemohon telah membuat permohonan semakan kehakiman berkenaan keputusan Responden menolak untuk meminda maklumat di dalam Daftar Kelahiran Pemohon Pertama (anak tersebut) kepada Muhammad Ezaac Iskandar bin Mohd Eddie daripada “Muhammad Ezaac Iskandar bin Abdullah”. Mahkamah telah menolak permohonan Pemohon-Pemohon dengan kos dan memutuskan bahawa Responden Pertama telah sewajarnya merujuk kepada prinsip undang-undang Islam berkenaan kesahatarafan anak dalam proses pendaftaran kelahiran anak-anak orang islam.

Walaupun Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian memperuntukkan bahawa nama keluarga bapa boleh dimasukkan untuk anak tak sah taraf, namun ianya tidak terpakai untuk orang Islam. Mahkamah merujuk kepada kepada kes *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan v. Victoria Jayaseele Martin & Another Appeal*, yang mana diskriminasi berdasarkan undang-undang peribadi (“personal law”) adalah dibenarkan di bawah Perkara 8(5) Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes ini, Undang-Undang Islam tidak membenarkan anak tak sah taraf dinasabkan kepada bapa, maka, keputusan JPN menolak untuk menggantikan bin “Abdullah” kepada nama bapa adalah wajar dan dibenarkan di bawah Perkara 8.

Mahkamah juga mengambil fakta bahawa Pemohon-Pemohon adalah tertakluk kepada Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor yang mana hanya anak yang lahir lebih dari 6 bulan qamariah dari tarikh perkahwinan boleh dinasabkan kepada bapa.

Kes: Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v A Child & Ors (Majlis Agama Islam Negeri Johor, intervener) [2020] 2 MLJ 277

Fakta bahawa anak tersebut telah dilahirkan kurang dari 6 bulan qamariah, maka anak tersebut adalah anak tak sah taraf tidak dipertikaikan dalam kes ini. Namun begitu, kes ini dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk satu semakan penghakiman ekoran daripada keputusan Jabatan Pendaftaran Negara yang telah mendaftarkan nama Pemohon Pertama/Responden Pertama bin “Abdullah” dan menolak permohonan pindaan di bawah Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian atas alasan tempoh perkahwinan dan tarikh kelahiran tidak mencukupi bagi menasabkan kepada bapa. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan Pemohon.

Pemohon-Pemohon/Responden-Responden tidak berpuas hati dan kemudiannya membuat rayuan di Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi dan memutuskan bahawa keengganan JPN untuk meminda nama bin “Abdullah” kepada nama Perayu Kedua dengan mengikuti Fatwa Kebangsaan yang tidak membenarkan anak tak sah taraf dinasabkan kepada bapa kerana tiada peruntukan sedemikian di dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Di dalam penghakiman, Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa sudah semestinya Perayu tertakluk kepada Undang-Undang Islam berkenaan status kesahatarafan anak, namun ianya terhad kepada pentadbiran undang-undang Islam oleh pegawai agama dan bukannya pentadbiran undang-undang sivil seperti Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Jadi, isu yang ditekankan untuk diputuskan adalah sama ada JPN dalam melaksanakan kuasanya di bawah Akta tersebut boleh menafikan hak dan keinginan perayu kedua mendaftarkan namanya sebagai nama keluarga (‘surname’) perayu pertama seperti yang dibenarkan melalui Seksyen 13A(2). Tanpa peruntukan yang jelas di dalam Akta tersebut membenarkan untuk menggunakan Undang-Undang Islam berkenaan kesahatarafan anak bagi pendaftaran nama keluarga ‘surname’ di bawah Seksyen 13A(2), maka JPN tiada asas untuk menggunakan sebarang elemen islamik dalam membuat keputusan. Satu fatwa bukan undang-undang dan tidak mempunyai kuasa undang-undang dan tidak boleh membentuk asas perundangan bagi responden kedua untuk memutuskan berhubung nama bapa anak luar nikah di bawah Seksyen 13A(2) Akta.

Jabatan Pendaftaran Negara tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan dan merayu kepada Mahkamah Persekutuan yang mana Majlis Agama Negeri Johor dijadikan sebagai pencelah. Mahkamah Persekutuan dengan keputusan majoriti membenarkan sebahagian daripada rayuan dan mengenyahkan perintah-perintah Mahkamah Rayuan. Mahkamah memutuskan bahawa sah taraf seorang Islam adalah salah satu bidang yang mana Badan Perundangan Negeri diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal undang-undang negeri. Ia adalah undang-undang tetap bahawa undang-undang persendirian dan undang-undang keluarga adalah intipati hukum Syariah dan bahawa sebahagian undang-undang Islam masih kekal berkuat kuasa untuk mengawal kehidupan umat Islam di Malaysia. Dalam kes ini, oleh kerana responden kedua dan ketiga beragama Islam dan berkahwin di bawah undang-undang Islam, dan kelahiran anak tersebut berlaku di Johor, mereka tertakluk kepada undang-undang Islam yang didapati di negeri Johor. Oleh itu, responden-responden tertakluk kepada Seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga (Negeri Johor) 2003 (‘Enakmen Undang-Undang Keluarga Johor’), yang jelas memperuntukkan bahawa anak luar nikah Islam tidak boleh di-bin-kan dengan nama bapanya dalam Islam. Berhubung ini perayu kedua dengan wajar telah menolak permohonan responden-responden agar anak tersebut dibinkan kepadanya sebagai ‘bin MEMK’ bukan sahaja kerana ketidakpatuhan Seksyen 13A tetapi juga kerana dia mengambil kira undang-undang bertulis terpakai di atas terhadap responden-responden dalam perundangan negeri.

Namun demikian, Mahkamah juga memutuskan bahawa di Negeri Johor, sesuatu fatwa perlu diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No 16 Tahun 2003) untuk menjadi undang-undang dan sah mengikat. Manakala, Fatwa Kebangsaan hanya boleh terpakai kepada Kerajaan Negeri Johor menurut Seksyen 52(1) Enakmen No 16 Tahun 2003. Oleh kerana Jawatankuasa Fatwa Johor tidak menggunakan pakai fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini, dan tiada fatwa tentang bagaimana nama anak luar nikah patut diwartakan di Johor, perayu kedua tidak boleh menghendaki fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu dikenakan ke atas responden-responden. Oleh itu, dengan menggunakan pakai fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu tanpa mematuhi Seksyen 52, perayu kedua telah merampas kuasa atau autoriti yang diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa Johor dengan penggunaan ‘bin Abdullah’ ke atas anak tersebut.

ANALISIS DAN DAPATAN

Persoalan agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 74(2) dan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan mengenai bidang kuasa Negeri dalam hal yang melibatkan agama Islam dan hukum syarak. Kesemua negeri di Malaysia mempunyai undang-undang Islam yang tersendiri yang boleh dilihat dalam akta/enakmen/ordinan negeri masing-masing. Maka perkara berhubung penasaban anak tak sah taraf bagi orang Islam diperuntukkan melalui akta/enakmen/ordinan mengikut negeri masing-masing beserta rujukan fatwa yang tersendiri samada mengikat sebagai undang-undang ataupun sebagai panduan dan rujukan. Secara umumnya, dapat dilihat dengan jelas melalui kes-kes yang dibincangkan di atas bahawa Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil akan merujuk kepada hukum syarak, enakmen serta fatwa negeri dan fatwa kebangsaan dalam menentukan status dan penasaban anak tak sah taraf. Tambahan, telah menjadi prinsip atau perundangan yang disepakati di Malaysia bahawa seseorang anak hanya boleh dibinkan atau dibintikan dengan bapanya yang sah menurut hukum Syarak. Perundangan dan Mahkamah Syariah di Malaysia juga mengikuti jumhur fuqaha bahawa anak yang lahir dalam tempoh kurang dari enam bulan selepas perkahwinan, maka anak tersebut tidak sabit nasabnya dengan suami kepada ibunya. Pengecualian di Negeri Perlis yang mana peruntukan Enakmen dan Fatwa yang diwartakan adalah saling bercanggah serta pendirian dan pendapat Mufti Perlis yang berbeza dari negeri lain. Seterusnya, bagi kes persetubuhan syubhah pula, penasaban kepada bapa adalah dibolehkan dan dibenarkan.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat permohonan untuk membinkan atau membintikan anak tidak sah taraf Islam dengan nama bin Abdullah atau bapa biologi di JPN, maka permohonan pengesahan nasab turut perlu dibuat di Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa untuk mendengar dan mengeluarkan perintah yang berkaitan. Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah terpakai kepada orang Islam kerana ia adalah mahkamah yang berkompeten dari segi undang-undang negeri dan Perlembagaan.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada perbincangan yang telah diberikan dapat dirumuskan bahawa kedudukan anak tak sah taraf ini mempunyai hak dan kedudukannya yang tersendiri sama ada dari hukum syarak mahupun perundangan di Malaysia. Pengesahan anak tak sah taraf ini haruslah dititik beratkan memandangkan pengesahan seseorang anak tak sah taraf ini akan menentukan penasaban dan hak perwarisan. Dalam perundangan Islam, penentuan penasaban anak tak sah taraf ini haruslah dikenal pasti sama ada anak tersebut dilahirkan hasil daripada pernikahan yang sah ataupun fasid dan hanya Mahkamah Syariah sahaja yang berbidang kuasa dalam menentukan sama ada anak tersebut bersih dan suci daripada hasil pernikahan yang terlarang seterusnya dapat mengelakkan daripada berlaku sebarang percampuran keturunan.

Setelah meneliti kes-kes yang berkaitan, dapat disimpulkan bahawa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil akan merujuk kepada hukum syarak terutama perkara yang menjadi isu suatu kes tersebut melibatkan perkara agama Islam. Berdasarkan kepada penasaban anak tak sah taraf, penentuan nasab seseorang anak sama ada boleh dibinkan atau dibintikan dengan bapanya akan mengikut kepada hukum syarak yang telah menetapkan bahawa sekiranya anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari tarikh diakad nikahkan, maka anak tersebut merupakan anak yang tidak sah dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa iaitu suami kepada ibunya. Terdapat pengecualian yang mana Mahkamah Syariah membenarkan permohonan bagi pengesahan anak yang lahir kurang dari tempoh enam bulan perkahwinan. Namun, perkara tersebut haruslah disemak semula penghakiman hakim memandangkan terdapat syarat yang harus dipenuhi dan segala keterangan yang telah dikemukakan haruslah menetapi kehendak hukum syarak.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat pengecualian Negeri Perlis yang mana peruntukan Enakmen dan Fatwa yang diwartakan adalah tidak selari dengan fatwa negeri lain. Perkara tersebut juga haruslah disemak semula bagi setiap penghakiman yang telah diputuskan memandangkan segala permohonan bagi pengesahan anak tak sah taraf ini terletak di bawah bidang kuasa negeri dan hakim berhak dalam berijtihad dalam menentukan dan membuat keputusan bagi sesuatu perkara dan segala keputusan yang dikeluarkan haruslah menepati kehendak syarak. Segala perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah terpakai kepada orang Islam. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang keraguan atau ketidakjelasan yang melibatkan perkara dalam agama hendaklah dirujuk kepada peruntukan perundangan di negeri masing-masing. Selagi mana ianya bersandarkan Hukum Syarak, hakim boleh berijtihad dalam membuat keputusan mengikut fakta kes-kes dihadapannya. Selain itu, kekeliruan berkaitan hukum syarak juga boleh dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau pihak yang berautoriti iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

Conflict of Interest

Authors declares no conflict of interest in publishing this article.

Acknowledgement

Authors would like to express gratitude to the Faculty of Syariah and Law for the funding of this publication.

Rujukan

Abd Halim bin Md Hashim v Azila bt Ramli @ Ismail [2017] 2 SHLR 57

A Child & Ors v Jabatan Pendaftaran Negara & Ors, [2016] 1 LNS 1815

A Child & Ors v Jabatan Pendaftaran Negara & Ors, [2017] 4 MLJ 440

Abdullah, Mohd Azhar, & Salleh, Mohd Mahyeddin, Ahmad, Nisar Moohammad, & Zahalan, Nur Mohammad Hadi. (2018). *Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch': Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah Dan Undang-Undang Malaysia*. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, 13, 87-102.

Abdullah, Nor Izzati binti Mahd. (2021). *Fenomena Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Orang Islam Di Malaysia*. International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference 6th April 2021 (p. hal 182). Pulau Pinang: Politeknik Seberang Perai.

Abdullah, Paizah Hj Ismail. (2013). *Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia*. Jurnal Fiqh, No. 10, hal 79-80.

Ahmed Abu El-Wafa. (1998). *Voluntary Arbitration and Compulsory Arbitration*, Manhal Al-Ma'arif, Alexandria.

Atef Abd El-Hamid. (2017). *The Legal Nature of the Arbitration Agreement*. Arbitration Journal, No. (10), Ain Shams University, Center for Ain Shams Arbitration Rights.

Faizal bin Rabion v Nurul Fazila bt Nawi [2014] 1 SHLR 137

Hamzah, Nor'asyikin Binti. (2018). *Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan Dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989*. (Doctoral Desertation), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hosni Mousa Mohamed Radwan. (2015). *The Role of International Arbitration and Courts in Settling Maritime Boundary Disputes*, Second Edition, Arab Thought House, Mansoura.

Ismail, Wan Abdul Fattah Wan. (2020). *Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia*. Insla E-Proceedings (p. hal 136-146). Nilai: Fakulti Syariah

dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v A Child & Ors (Majlis Agama Islam Negeri Johor, intervener) [2020] 2 MLJ 277

Kusrin, Zuliza Mohd Kusrin, Muhammad Nazir Alias & Muhammad, Nurhidayah, Musa, Z. (2023). *Penasaban dan Pendaftaran Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf Orang Islam di Malaysia dan negara Asia Lain*, *Islamiyyat* 45(2), 15-33. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-02>.

Musa, Z, Kusrin, Zuliza Mohd Kusrin, Muhammad Nazir Alias & Nurhidayah Muhammad Hashim. (2023). *Penasaban dan Pendaftaran Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf Orang Islam di Malaysia dan negara Asia Lain*, *Islamiyyat* 45(2), 15-33. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-02>.

Nagira Begam bte E Mohamed v Rajul Ali [2006] 3 SHLR 117

Nor Izzati binti Mahd Nor. (2021). *Fenomena Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Orang Islam Di Malaysia*. International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference 6th April 2021 (p. hal 182). Pulau Pinang: Politeknik Seberang Perai.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2012). *Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. hal 8.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (1 Ogos 2017). *Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah" Kepada Anak Tidak Sah Taraf Oleh Mahkamah Rayuan*. Diakses pada 22 Disember 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>.

Roslan, M.M. (2023). *Journal of Contemporary Islamic Studies* Vol. 9, Issue 2 (2023), *Pentarjihan Fuqaha Terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf Kepada Bapa Biologi: Analisis Fatwa Negeri Perlis*.

Suhail Hussein Mukhtar. (2012). *Resolving International Disputes in Light of International Law*, Master's Thesis, Alexandria University, Academic Year 2012-2013.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, S. A. (2020). *Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia*. In *Insla E-Proceedings* (p. hal 136-146). Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Zulkifli bin Hassan, I. b. (2013). *Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Menurut Perspektif Undang-Undang*.

Zanariah Noor. (2018). *Status and Rights of Muslim Illegitimate Child Under Malaysian Law*, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkifli bin Hassan, P. M. (2013). *Kedudukan Anak Tah Sah Taraf Menurut Perspektif Undang-Undang*. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.